

# **STPM Kertas 1 2019:**

## **Soalan 3 Jawapan yang dicadangkan**

- (a) Sebuah koperasi berkanun diwajibkan mewujudkan tiga jenis kumpulan wang rizab, iaitu:
1. Kumpulan wang rizab berkanun (statutori)  
Rizab berkanun ini diwujudkan bagi memastikan koperasi mempunyai sumber kewangan yang memadai untuk operasi dan liabiliti perniagaan.
  2. Kumpulan wang amanah pendidikan koperasi  
Wang ini disalurkan untuk tujuan pendidikan koperasi supaya koperasi berkanun ini diuruskan dengan baik mengikut garis panduan yang diberikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
  3. Kumpulan wang amanah pembangunan koperasi  
Wang ini adalah untuk tujuan membangun dan memperkembangkan koperasi-koperasi di Malaysia dengan harapan bahawa kebijakan sosial dan ekonomi masyarakat diutamakan.
- (b) Dua perbezaan antara modal saham dengan modal caruman:
1. Sumbangan modal mengikut modal saham adalah berasaskan kepada unit-unit saham yang dibeli oleh ahli koperasi, manakala sumbangan modal caruman adalah berasaskan kepada amaun nominal yang disumbangkan.
  2. Koperasi yang mempunyai modal caruman membentarkan ahli-ahli koperasi untuk membuat pinjaman peribadi dengan kadar faedah yang lebih rendah daripada kadar faedah pasaran. Koperasi yang mempunyai modal saham tidak dibenarkan memberi pinjaman kepada ahli-ahlinya.
  3. Akta Koperasi 1993, menghadkan pengeluaran modal saham tetapi tiada had atas pengeluaran modal caruman.

(c) (i) Penyediaan penyata pendapatan komprehensif

<b>Koperasi Sri Ledang Berhad</b>			
<b>Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2017</b>			
	RM	RM	RM
Jualan			4,400,000
(-) Pulangan jualan			112,000
			4,288,000
Tolak: Kos jualan			
Inventori awal		442,000	
(+) Belian	3,200,000		
(-) Pulangan belian	5,000		
	3,195,000		
(+) Angkutan masuk	23,000	3,218,000	
		3,660,000	
(-) Inventori akhir		220,000	3,440,000
Untung kasar			848,000
Tambah: Pendapatan lain			
Pendapatan pelaburan			20,000
			868,000
Tolak: Belanja operasi			
Belanja gaji		48,000	
Yuran audit luar		40,000	
Belanja sewa		60,000	
Belanja pengangkutan		68,000	
Belanja faedah (45,000 + 45,000)		90,000	
Belanja am		40,000	
Belanja mesyuarat agung		40,000	
Belanja ganti rugi kemalangan		50,000	
Elaun lembaga pengarah		60,000	
Elaun juruaudit dalam		10,000	
Belanja susut nilai kenderaan		148,000	
Belanja susut nilai peralatan		18,000	
Belanja hutang ragu (6,300 – 4,300)		2,000	674,000
Pendapatan bersih			194,000

(ii) Penyediaan penyata pembahagian untung dan rugi:

<b>Koperasi Sri Ledang Berhad</b>			
<b>Penyata Pembahagian untung dan rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017</b>			
	RM	RM	RM
Pendapatan bersih			194,000
Tolak: Pembahagian berkanun			
Kumpulan wang rizab berkanun (12%)		23,280	
Kumpulan wang pendidikan (2%)		3,880	
Kumpulan wang pembangunan (1%)		1,940	29,100
			164,900
Tolak: Zakat (2.5% x 194,000)			4,850
			160,050
Tolak: Pembahagian lain			
Dividen (10% x 194,000)		19,400	
Kumpulan wang kebajikan am ahli) (10% x 160,050)		16,005	
ANGKASA		1,601	37,006
			123,044
Tambah: Keuntungan terkumpul awal			43,000
			166,044

Penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan (tidak diperlukan; disediakan untuk pembelajaran)

<b>Koperasi Sri Ledang Berhad</b> <b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017</b>				
	RM	RM	RM	RM
<b>Aset bukan semasa</b>	Kos	Susut nilai terkumpul	Nilai bersih	
Tanah	700,000	-	700,000	
Kenderaan	740,000	296,000	444,000	
Peralatan pejabat	180,000	54,000	126,000	
				1,270,000
Pelaburan saham				500,000
				1,770,000
<b>Aset semasa</b>				
Inventori			220,000	
Akaun belum terima		573,000		
(-) Peruntukan hutang ragu		6,300	566,700	
Deposit utiliti			12,000	
Insurans prabayar			23,200	
Tunai			460,000	
			1,281,900	
<b>Liabiliti semasa</b>				
Akaun belum bayar		48,000		
Faedah belum bayar		45,000		
Gaji belum bayar		16,000		
Kump wang pendidikan koperasi		3,880		
Kump wang pembangunan koperasi		1,940		
Peruntukan zakat		4,850		
Dividen dicadangkan		19,400		
ANGKASA		1,601		
Peruntukan ganti rugi kemalangan		50,000		
Elaun ahli lembaga koperasi		60,000		
Elaun juruaudit dalam		10,000	260,671	
<b>Aset semasa bersih (modal kerja)</b>				1,021,229
				<b>2,791,229</b>
Dibiayai oleh:				
<b>Kumpulan Wang Anggota</b>				
Modal saham			1,000,000	
Premium saham			50,000	
Keuntungan terkumpul			166,044	
Kumpulan wang kebajikan am ahli			28,005	1,244,049
<b>Kumpulan Wang Rizab Berkanun</b>				47,180
<b>Liabiliti Jangka Panjang</b>				
Pinjaman bank				1,500,000
				<b>2,791,229</b>